

**NO. SOALAN: 118**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM**

**TARIKH : 11 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6983**

**SOALAN:**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** yang meminta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mendakwa NGO yang mengeluarkan ugutan untuk menampar Ahli Parlimen Seputeh, dan juga Dato' Yong Teck Lee yang memberi tawaran untuk menampar Menteri Dalam Negeri. Apakah rasional dan pendirian Kerajaan dalam isu ugutan menampar ini.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Adalah menjadi prinsip di dalam undang-undang jenayah di mana suatu kesalahan jenayah hanya boleh wujud apabila terdapatnya dua (2) elemen bersekali iaitu dengan izin Tuan Yang di-Pertua *actus reus* (perbuatan) dan *mens rea* (niat jahat). Oleh yang demikian, jika dirujuk kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, maka ianya tidak boleh dikatakan wujud suatu jenayah dilakukan kerana tidak memenuhi prinsip-prinsip undang-undang seperti yang telah saya nyatakan tadi.**